

## Topik 8: Had kuasa Manusia (Daniel 3,6)

---

Pernahkah anda terfikir bagaimanakah kerajaan di dunia ini mula- mula dibentuk? Pada zaman dahulu, Allah telah memberi kuasa kepada manusia untuk membina kerajaan walaupun mereka belum mempunyai ramai rakyat. Apabila Nuh keluar dari bahtera, walaupun mereka hanya lapan orang yang berada di dunia ini selepas air bah, Allah memberitahu Nuh jika seseorang melakukan pembunuhan, masyarakat haruslah membunuh pembunuh itu kerana dia telah merosakkan keperibadian Allah di hadapan manusia.

*Sebab, Aku pasti akan menuntut pembalasan atas darahmu, yaitu nyawamu; dari setiap binatang Aku akan menuntutnya, dan Aku juga akan menuntut nyawa manusia lainnya dari setiap manusia. Maka barangsiapa menumpahkan darah manusia, darahnya sendiri akan ditumpahkan oleh manusia, karena Allah membuat manusia itu menurut citra-Nya sendiri. (Kejadian 9:5, 6)*

Pada mulanya, setiap kota mempunyai kerajaannya yang tersendiri. Tidak lama kemudian, kumpulan kota bergabung menjadi negara. Mesir, Assyria dan Babylon adalah tiga kota yang mula- mula bergabung untuk menjadi negara. (Pada masa itu, penggunaan tulisan tanah liat mula berkembang untuk tujuan penyimpanan rekod).

Berapa besarkah kuasa yang diberikan oleh Allah kepada kerajaan di dalam dunia ini? Kuasa yang Dia berikan adalah terhad. Dalam cerita Daniel, kita dapat melihat dengan jelas akan had peguasaan kuasa mereka.

Dalam cerita ini, kita lihat bahawa kerajaan mempunyai kuasa untuk memasukkan orang ke dalam penjara dan mengambil hamba. Ada umat Allah yang setia yang menjadi banduan dan hamba.

*Tetapi apabila undang-undang mengharuskan hamba Allah untuk memakan makanan haram, seperti daging babi, atau minum anggur yang memabukkan, nabi Daniel memutuskan dalam hatinya bahawa dia tidak akan mematuhi undang-undang itu. Keputusannya ini tidak membuatnya sombong dan tidak sopan. Dia meminta izin untuk mengamalkan tabiat pemakanannya:*

*Daniel sungguh-sungguh bertekad dalam hatinya untuk tidak mencemarkan dirinya dengan santapan raja dan dengan anggur minuman raja. Oleh sebab itu, dia meminta kepada kepala pegawai istana supaya dia tidak mencemarkan dirinya. (Daniel 1:8)*

Sekali lagi, apabila undang-undang di Babylon mengkehendaki rakan-rakan Daniel untuk menghadiri pemujaan patung emas yang dibuat oleh Raja Nebukadnezzar, mereka tampil menghadirkan diri. Tetapi apabila undang-undang mengarahkan mereka untuk sujud menyembah patung itu, mereka tidak melakukannya. Mereka selalu meletakkan permintaan Allah melebihi permintaan manusia.

*Sekarang, jika kamu sudah sedia, sebaik sahaja kamu mendengar bunyi nafiri, seruling, kecapi, rebab, gambus, serunai, dan pelbagai jenis muzik, sujudlah menyembah patung yang kubuat itu. Tetapi jika kamu tidak mahu menyembahnya, saat itu juga kamu akan dicampakkan ke dalam dapur api yang menyala-nyala! tuhan manakah yang dapat melepaskan kamu daripada tanganku?" Lalu Sadrakh, Mesakh dan Abednego menjawab raja Nebukadnezzar: "Tidak ada gunanya kami memberi jawapan kepada tuanku dalam hal ini. Jika demikian, Allah yang kami sembah mampu melepaskan kami dari perapian yang menyala-nyala, dan Dia akan melepaskan kami dari tanganmu, ya Raja. (Daniel 3:15-18)*

Lima puluh tahun kemudian, Daniel tidak mematuhi undang-undang yang mengkehendaki supaya dia berhenti berdoa kepada Allah, sebaliknya, dia harus berdoa kepada manusia.

*Tetapi manusia tidak berhak untuk menentukan bagaimana cara kita menyembah Allah kerana Allah sendiri yang menciptakan kita, dan disebabkan Dia memiliki kita, hanya Dia yang berhak memberitahu kita bagaimana cara untuk menyembah Dia.*

Akan tetapi Daniel tidak mematuhi undang-undang itu. Sebaliknya dia berdoa kepada Allah setiap hari dengan cara yang sama seperti yang dia lakukan sebelum adanya undang-undang itu.

Apa yang kita pelajari di dalam kisah-kisah ini adalah idea yang menyatakan bahawa semua orang bijaksana memandangnya sebagai kebenaran: had kuasa kerajaan mempunyai limit. Jika anda harus memilih sama ada mengikuti agama nabi Allah ataupun mengikuti undang-undang kerajaan yang bertentangan dengan ajaran Allah. Kita haruslah senantiasanya mengikuti ajaran para nabi. Walaupun dalam hal kecil seperti pemakanan dan hal berdoa, Allah tidak membenarkan kita untuk menurut perintah kerajaan jika perkara itu membuatkan kita tidak setia dengan Allah.

Dalam situasi ketenteraan, jika dua pegawai tinggi memberi anda perintah yang bertentangan, sangat mudah untuk kita ketahui mana satu arahan yang harus kita ikut. Kita

harus mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai yang mempunyai jawatan yang lebih tinggi. Dengan cara yang sama, kita harus mematuhi kerajaan, kerana ia mempunyai pangkat yang lebih tinggi daripada kita. Tetapi apabila ia bertentangan dengan Tuhan, baiklah, Tuhan mempunyai pangkat yang lebih tinggi daripada kerajaan. Kita harus sentiasa taat kepada-Nya. Itulah yang dikatakan para rasul.

Apabila mereka dicabar oleh pemimpin-pemimpin bandar dan mereka bertanya mengapa mereka sangat berani melanggar perintah raja, ini adalah jawapan mereka:

*Pertimbangkanlah sendiri mana yang benar di hadapan Allah: Taat kepada kamu atau taat kepada Allah? (Kisah Para Rasul 4:19)*

Yesus juga membincangkan isu ini. Orang Yahudi tidak suka membayar cukai kepada orang Roma, tetapi mereka tetap bertanya kepada Yesus kerana mereka mahu menjebak Yesus. Jadi mereka bertanya kepada-Nya sama ada mereka harus membayar cukai atau tidak. (Sudah tentu kita harus membayar cukai. Jika Tuhan telah mengizinkan kerajaan untuk beroperasi, Dia sudah tentu membenarkan mereka mengutip cukai untuk membayar bil mereka).

*Orang ramai itu datang dan berkata kepada-Nya: "Guru, kami tahu, Engkau adalah seorang yang jujur, dan Engkau tidak takut kepada siapapun juga, sebab Engkau tidak memandang rupa, melainkan dengan jujur mengajar jalan Allah dengan segala kejujuran. Apakah diperbolehkan membayar cukai kepada Kaisar atau tidak? Haruskah kami bayar atau tidak?" Tetapi Yesus mengetahui kemunafikan mereka, lalu berkata kepada mereka: "Mengapa kamu mencobai Aku? Bawalah ke mari suatu dinar supaya Kulihat!" Lalu mereka bawa. Lalu Dia bertanya kepada mereka: "Gambar dan tulisan siapakah ini?" Jawab mereka: "Gambar dan tulisan Kaisar." Lalu kata Yesus kepada mereka: "Berikanlah kepada Kaisar apa yang wajib kamu berikan kepada Kaisar dan kepada Allah apa yang wajib kamu berikan kepada Allah!" Mereka sangat terpegun mendengar ucapan-Nya. (Markus 14-17)*

Apa yang telah kita pelajari daripada Yesus, rasul- rasul- Nya dan daripada para nabi adalah kita haruslah mematuhi peraturan sivil. Kita haruslah mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan oleh negara kita, tetapi juga pematuhan arahan ini mempunyai batas. Jika peraturan itu mahukan supaya kita membelakangi hukum Allah ataupun ia bertentangan dengan prinsip cara untuk menyembah Allah, kita harus menolak.

Apabila kita berserah kepada undang- undang agama, itu bermaksud kita mematuhi mereka melebihi Allah.

Dengan itu, kita haruslah menuruti permintaan Allah daripada manusia.